

Ketagih seks dengan abang

Remaja lakukannya sejak berusia 10 tahun mahu hentikan tabiat keji kerana rasa bersalah



kaunseling remaja

Prof Madya Dr Sapora Sipon Menjawab

SAYA remaja berusia belasan tahun, namun kini dihantui rasa berdosa kerana pernah melakukan hubungan seks dengan abang sendiri sejak berusia 10 tahun.

Perbuatan itu kami lakukan apabila ada masa lapang. Saya tahu perbuatan itu sangat keji dan ingin menghentikannya, tapi gagal kerana sudah ketagih.

Apa yang harus saya lakukan kerana saya memang mahu berubah.

Remaja Kesal,
Sabah

NAFSU gila dan luar biasa abang akhirnya meny-

babkan adik jadi mangsa serakah yang dikeji agama itu.

Apabila diperlakukan demikian, pasti ia memberi kesan psikologi kepada diri adik seperti perasaan bersalah dan berdosa.

Bertaubatlah kerana perbuatan itu bukan saja dilaknat, malah tidak diterima masyarakat normal. Ahli falsafah agung Aristotle pernah mengatakan: "Dalam masyarakat manusia ada binatang jalang, tetapi dalam masyarakat binatang tidak ada satu pun manusia."

Apa yang berlaku bukanlah kerana kehendak adik tapi desakan abang hingga adik gagal menolak. Adik bukan-

lah pelaku tapi mangsa.

Walaupun sukar, berusaha agar tidak mengulanginya lagi. Elak berjumpa abang untuk sementara dan sibukkan diri dengan berzikir, berpuasa selain solat.

Berkongsi masalah dengan rakan boleh mencari kekuatan diri tapi pastikan rakan itu boleh dipercayai dan mampu memberi bimbingan. Guru atau kaunselor boleh membantu.

Isi masa lapang dengan aktiviti berfaedah seperti bersukan dan jika abang memaksa adik lakukannya, jangan takut untuk menolak.

Jika abang memaksa, laporkan kepada pihak berkuasa dan belajar lupakan perkara lalu. Kuatkan semangat untuk berubah.

Akibat dikongkong, ibu jadi 'musuh'

SAYA remaja perempuan berusia 17 tahun dan belajar di sebuah sekolah di ibu kota. Saya anak kedua daripada empat beradik dan dikategorikan pelajar sederhana.

Masalahnya, ibu asyik mengongkong menyebabkan hubungan kami yang dulunya rapat kini seperti musuh ketat. Ibu banyak menolak permintaan dan kerap tidak bersetuju dengan pandangan saya.

Contohnya jika saya ingin berjumpa atau tidur di rumah rakan, ibu pasti marah.

Saya hanya ingin berkawan, salahkah?

Saya tidak faham dengan sikap ibu kerana dia hanya mahu saya belajar. Saya tahu tanggungjawab itu tapi bosan kerana ibu suka mendesak.

Tolong saya Dr.

Bingung
Kuala Lumpur

DR faham perasaan adik yang masih muda dan kon-

flik yang wujud juga adalah lumrah. Konflik remaja dan ibu bapa wujud apabila dua generasi memandang kehidupan dari sudut berbeza.

Perkara penting pada remaja tapi dianggap remeh oleh ibu bapa akhirnya akan mewujudkan ketegangan emosi. Ibu menyalurkan ketegangan itu dengan mengawal ketat setiap pergerakan adik walaupun dia tidak berniat untuk mengongkong.

Ahli psikologi berpendapat, peringkat awal remaja adalah waktu konflik mulai tegang kerana disebabkan antaranya ibu bapa kurang memahami perkembangan anak khususnya pemikiran dan kematangan golongan remaja.

Malah, ibu bapa sering beranggapan mereka lebih berpengalaman menjadikan sukar menerima pendapat anak.

Dr juga faham kenapa ibu asyik menyuruh adik belajar kerana mereka memang mahu melihat anak berjaya dalam pelajaran. Justeru, menga-

dakan pelbagai sekatan, syarat dan peraturan bagi mengelakkan pengaruh persekitaran negatif mengganggu matlamat itu.

Tapi remaja pula berasakan mereka perlu bebas daripada kawalan ibu bapa dan cenderung berpisah daripada struktur keluarga apabila sudah meningkat usia.

Bagaimanapun, konflik yang wujud boleh dikurangkan dengan melakukan perbincangan dan memenuhi kehendak masing-masing. Dengan kata lain, adik dan ibu perlu saling memahami.

Luangkan lebih masa dengan ibu dan gunakan masa ini untuk meluahkan perasaan tidak puas hati dan terbuka.

Dr percaya, jika perbincangan dijalankan dengan tenang, sama ada adik atau ibu sudah tentu mendapat jalan penyelesaiannya.

Ingatlah, kasih ibu pada anak sangat dalam dan adik perlu menghargainya.